



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK
KAMPUNG ANGKAT MADANI TAHUN 2025**

LOKASI/ TARIKH/ MASA

KAMPUNG BUNTAL, KUCHING, SARAWAK / 15 JANUARI 2026 / 10.30 PAGI

Dikemas kini pada 14 Januari 2026

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur
dan Salam Malaysia MADANI.**

**SALUTASI
(Disediakan)**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama pada pagi ini dalam **Majlis Penyerahan Projek Kampung Angkat MADANI Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) di Kampung Buntal.** Majlis ini mencerminkan iltizam Kerajaan untuk memastikan pembangunan komuniti luar bandar dilaksanakan secara menyeluruh, tersusun dan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **seluruh penduduk Kampung Buntal** atas **kerjasama, sokongan dan komitmen** yang diberikan sepanjang pelaksanaan projek ini. **Kejayaan projek ini bukan sahaja bergantung kepada perancangan kerajaan, tetapi turut dipacu oleh semangat kebersamaan dan rasa memiliki dalam kalangan komuniti setempat.**

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

3. Program Kampung Angkat MADANI merupakan **inisiatif nasional** yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri dengan matlamat memperkukuh penyampaian perkhidmatan kepada rakyat melalui pendekatan pembangunan yang lebih berfokus, berimpak dan berpaksikan keperluan sebenar komuniti. Pendekatan ini memastikan pembangunan tidak bersifat satu hala, sebaliknya dibina bersama rakyat.

4. Seiring dengan objektifnya, pelaksanaan Kampung Angkat MADANI KPWKM memberi tumpuan kepada **penyediaan infrastruktur** yang dapat menyumbang kepada **pembangunan sosial, ekonomi dan kesejahteraan komuniti** terutamanya di Kampung Buntal ini.

SKOP PROJEK KAMPUNG ANGKAT MADANI

Hadirin yang dikasihi sekalian,

5. KPWKM melalui **Bahagian Pembangunan** telah melaksanakan Kerja-Kerja Menaik Taraf Dewan Serbaguna serta Kerja-Kerja Berkaitan di Kampung Buntal, Kuching, Sarawak selama **28 minggu**, bermula **5 Jun 2025 sehingga 18 Disember 2025** dengan kos berjumlah **Sembilan Ratus Sembilan Puluh Lapan Ribu Dua Ratus Ringgit (RM998,200.00)**.

6. Alhamdulillah, hari ini kita dapat menyaksikan **sebuah transformasi yang amat bermakna**. Dewan ini bukan sahaja dinaik taraf dari segi fizikal, malah **diberi nafas baharu sebagai ruang yang lebih selesa, moden dan kondusif**. Walaupun berdepan kekangan peruntukan, **KPWKM kekal komited memastikan kemudahan ini benar-benar berfungsi dan mampu menyokong keperluan komuniti setempat**.

7. **Dewan Serbaguna Kampung Buntal ini akan berperanan sebagai pusat aktiviti komuniti, merangkumi penganjuran program kemasyarakatan, aktiviti wanita dan keluarga, mesyuarat komuniti, program belia serta pelaksanaan inisiatif kesejahteraan sosial. Pada masa yang sama, dewan ini juga berfungsi sebagai Pusat Pemindahan Sementara (PPS) sekiranya berlaku bencana atau situasi kecemasan.**

PENGISIAN INTERAKTIF SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN

Para Hadirin Sekalian,

8. Sempena majlis penyerahan pada hari ini, KPWKM **turut membawakan pelbagai pengisian interaktif** yang dirangka khusus untuk penduduk Kampung Buntal, dengan penglibatan aktif **jabatan dan agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri. Pendekatan ini memastikan manfaat program kerajaan dapat dirasakan secara langsung oleh rakyat.**

9. Antara pengisian yang telah dilaksanakan termasuk **tiga sesi perkongsian ilmu** oleh Yayasan Kebajikan Negara, LPPKN dan Jabatan Pembangunan Wanita, selain **penyediaan perkhidmatan bergerak** seperti **Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS), Klinik Bergerak LPPKN, Klinik Pergigian Bergerak, Kaunter JPJ dan Kaunter Pendaftaran Negara.**

10. Selain itu, turut disediakan **Jualan Rahmah, saringan Kanser Serviks HPV DNA, saringan mammogram, perkhidmatan kaunseling dan psikososial, Kempen Awak OK Tak!, Sahabat KafeTeen, Skuad Aman Wanita (AMANITA) serta perkhidmatan Talian KASIH 15999.** Kesemua inisiatif ini mencerminkan pendekatan menyeluruh KPWKM dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

PENUTUP

Puan-puan dan tuan-tuan yang dikasihi sekalian,

11. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Kementerian Kewangan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM), Kerajaan Negeri Sarawak, Bahagian Pembangunan KPWK, pihak kontraktor Shanann Enterprise, Akademi Binaan Malaysia Sarawak serta semua pihak yang terlibat atas komitmen dan kerjasama dalam memastikan projek ini disiapkan mengikut perancangan yang ditetapkan.

12. Saya berharap Dewan Serbaguna ini dimanfaatkan sepenuhnya sebagai ruang penyatuan komuniti dan pemangkin pembangunan sosial setempat. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penyerahan Kampung Angkat MADANI KPWKM Tahun 2025.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT
15 JANUARI 2026**